

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 12 Julai 2021 12:36
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Elit Cakna Lindung Diri, Lindungi Semua



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 JULAI 2021 / 2 ZULHIJAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh. H.Rasidah H.Rodzi
Gambar oleh: UUM SELECT

PELAJAR ELIT CAKNA LINDUNG DIRI, LINDUNGI SEMUA



UUM ONLINE: Cakna dengan perkembangan semasa kes Covid-19, pemimpin pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil inisiatif melancarkan kempen memerangi varian membimbangkan (VOC) dari Afrika Selatan dan India serta varian Beta dan Delta bagi membendung peningkatan kes Covid-19.

Kempen ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) persatuan di bawah UUM Student Excellence and Leadership Center (UUM SELECT) terhadap kes varian Covid-19 yang semakin membimbangkan.

Presiden Persatuan BPLB (THINKERS), Farah Ilyana Mohd Anuar berkata, walaupun kadar jangkitan Covid-19 masih berada di tahap yang sangat membimbangkan, namun masyarakat harus percaya bahawa pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan dan pengambilan suntikan vaksin akan membuahkan hasil untuk mencegah penularan wabak tersebut.

"Di samping itu, inisiatif pengurusan UUM dalam meminda Kalendar Akademik Semester Kedua Sesi 2020/2021 merupakan satu langkah yang bijak dalam membantu kelancaran SOP, di samping memberi ruang kepada pelajar untuk menstabilkan emosi apabila berdepan dengan situasi Covid-19 yang semakin meningkat.

"Saya yakin jika kita disiplin mematuhi SOP, sudah pasti wabak ini dapat dibendung dan akan memberi impak yang positif kepada warga UUM khususnya pelajar jika ia dimanfaatkan sebaik mungkin, justeru kekal tenang di rumah mahupun di kampus dan kita pasti akan menang," katanya.

Menurut Presiden Beta Gama Sigma (BGS) UUM Chapter, Farah Insyirah Habib Rahman, berdepan dengan pandemik Covid-19 adalah antara saat yang paling genting untuk semua termasuk pelajar yang masih berada di UUM.

Katanya, pematuhan SOP seperti memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal dan kerap mencuci tangan termasuk melakukan kawalan pergerakan sendiri amat membantu untuk mencegah penularan wabak ini.

"Terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan, tenaga pengajar dan pelajar yang memberikan kerjasama dan memberikan sokongan padu kepada UUM untuk mencegah Covid-19.

"Jaga diri dan patuhi segala SOP yang telah ditetapkan. Semoga pandemik ini akan berakhir segera agar kita dapat kembali menjalani kehidupan normal meskipun dalam norma baharu," katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab Pengucapan Awam, Wan Ain Adlina Che Wan Mansor turut memberi motivasi kepada rakan-rakan UUM agar semua warga kampus sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan serta mengikut segala arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak berwajib dari semasa ke semasa.

Menurutnya, setiap arahan dikeluarkan adalah untuk membendung penularan Covid-19 dan dia yakin dengan kerjasama semua pihak sudah pasti negara akan berjaya mengekang penularan wabak tersebut.

"Ingatan dan doa buat semua rakan yang berada di kampus agar sentiasa berada dalam keadaan selamat dan dijauhkan daripada wabak ini. Teruskan bertahan, kita pasti menang!

“Terima kasih juga kepada UUM kerana mengutamakan kebajikan pelajar dan memastikan keselamatan kami sentiasa dijaga,” katanya.

Ketua Unit Debat Tamil, Kothai Sunthararaju pula berkata, "Saya menggalakkan warga kampus untuk memakai dua pelitup muka seperti yang disarankan iaitu *surgical mask* dan *fabric mask* ketika berada di tempat orang ramai bagi membendung jangkitan Covid-19 yang sudah berada dalam komuniti".

Menurutnya, bagi mengisi masa lapang ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, banyak aktiviti boleh dilakukan seperti bersenam atau yoga dalam kediaman masing-masing.

"Mari bersama-sama kita tangani pandemik Covid-19 ini," ujarnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.